

MAJLIS MESYUARAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

**PERINTAH HARIAN
KHAMIS, 6 MAC 2025**

PH06/01/2025

9:30 PAGI

1

1. MEMBACA DOA

2. PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

- i. **[PL21] Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin** minta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan sama ada pembaikan jalan secara bertampal-tampal adalah dirasakan berkesan berbanding kaedah sebelumnya yang menurap keseluruhan tempat/jalan yang rosak. Walaupun pembaikkan jalan-jalan yang rosak giat dilaksanakan namun kebanyakan jalan yang ditampal telah kembali rosak dalam masa yang singkat.
- ii. **[PL93] Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann** minta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam menaiktaraf keadaan jalan raya di setiap sempadan yang dilalui oleh pelancong negara jiran bagi menarik lebih ramai kehadiran pelancong melalui jalan darat.
- iii. **[PL143] Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman** minta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan tindakan Kementerian bagi melakukan kerja-kerja pemotongan dan pembersihan di kawasan jalan raya bagi memastikan keselamatan dan kelancaran keselamatan lalu lintas terutamanya ketika waktu malam dan waktu hujan.
- iv. **[PL51] Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** minta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan untuk menerbitkan pelan induk (*master plan*) yang menyelaraskan inisiatif projek hijau seperti *renewable energy*, *electric cars* dan *waste to energy* yang pada masa ini diselia oleh Kementerian berlainan untuk diintegrasikan kepada satu pelan, bagi

mengukur faedah ekonomi, serta membangunkan teknologi dan kemahiran baharu bagi memastikan ketersediaan rakyat Brunei.

- v. **[PL120] Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** minta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan sama ada Negara mampu menyediakan bekalan tenaga elektrik yang mampan untuk memenuhi permintaan FDI tanpa perlu berkompromi dengan keperluan bekalan tenaga elektrik yang sedia ada, sejajar dengan memasukan FDI ke Negara Brunei Darussalam.
- vi. **[PL4] Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana Kementerian menangani isu buli, gangsterism, dan penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar bagi memastikan persekitaran sekolah yang selamat. Adakah tindakan seperti pemantauan ketat, tindakan disiplin yang lebih tegas, penglibatan pihak berkuasa, atau program pencegahan berasaskan pendidikan dan kaunseling dilaksanakan dalam membendung pengaruh negatif sebelum menjadi lebih serius.
- vii. **[PL23] Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan program tahunan Bahagian Kaunseling yang telah dilaksanakan seperti Program Keibubapaan dan Program G.I.N.I.S bersama 8 agensi kerajaan, dan bagaimana kesinambungannya.
- viii. **[PL81] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan (a) tindakan Kementerian dalam menangani kes buli yang perlu diambil berat dan dikaji puncanya; (b) peranan Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) dalam perkara ini dan tahap keaktifan PIBG dalam menyokong dan menangani isu ini; dan (c) jika Kemterian mempunyai perancangan bagi meningkatkan penglibatan dan peranan PIBG.
- ix. **[PL9] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan perkembangan penubuhan Bursa Saham Negara termasuk sasaran jangka waktu penubuhannya, undang-undang dan peraturan, serta perkara berkaitan yang sehingga kini masih belum ternampak perkembangannya yang konkrit. Dipohonkan pencerahan seperti yang dipohonkan pada tahun 2023 akan sebab utama penubuhan ini belum terlaksana walhal cadangan ini telah beberapa tahun dalam penelitian.

-
- x. **[PL48] Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** minta **MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan sekiranya Kementerian akan meneliti semula dan memperketatkan peraturan mengenai perniagaan di Brunei dengan menukar model perniagaannya kepada *GLC initiated local franchise*, joint-ventures & koperasi tempatan. Ini memandangkan banyak perniagaan di Brunei, seperti kedai runcit, restoran, dan pembinaan, dikuasai warga asing, terutama dari Asia Selatan dan sebahagian besar memanfaatkan subsidi tetapi tidak menyumbang kepada ekonomi Negara dan tidak mengambil pekerja rakyat tempatan.
- xi. **[PL58] Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** minta **MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan dasar-dasar dalam memastikan GLCs menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan. Apakah usaha-usaha Kementerian untuk memastikan informasi tersebut diketahui oleh masyarakat umum memandangkan GLCs memainkan peranan penting dalam ekonomi Brunei, yang mana ketelusan dan akauntabiliti diperlukan untuk memastikan operasi mereka efisien, menguntungkan, dan bermanfaat kepada masyarakat.
- xii. **[PL22] Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin** minta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah usaha dan perancangan pihak Kementerian khususnya ABCi dalam menangani kejadian rumah-rumah runtuh di Kampung Ayer bagi menjamin keselamatan rumah-rumah yang sedia ada, keselamatan nyawa dan harta benda penduduk-penduduk di Kampung Ayer.
- xiii. **[PL68] Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub** minta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan jika Kementerian mempunyai perancangan ke arah penggunaan Sistem Kawalan Trafik Pintar (TCS) bagi sistem kawalan trafik dan jalan raya di Negara Brunei Darussalam, selaras dengan kemajuan semasa dan negara maju Tahun 2035.
- xiv. **[PL103] Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** minta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan sama ada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi akan mempertimbangkan untuk menambah perkataan 'Digital' dalam namanya bagi mencerminkan komitmen negara terhadap transformasi digital, selaras dengan Wawasan Brunei 2035, serta memperkukuhkan identiti negara sebagai Negara Pintar.

- xv. **[PL37] Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan aspirasi MOHA untuk memperkasakan pembangunan komuniti dan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti yang memerlukan pemimpin visionary, berpengetahuan luas, memahami perkembangan setempat dan aktif dalam perancangan jangka panjang serta bermastautin bersama masyarakat yang dipimpin. Sejauh mana dasar Kementerian untuk mengenal pasti calon pemimpin ini diserapkan dalam rancangan penggantian pemimpin seperti Pegawai Daerah dan Penghulu dan menjadikan bermastautin sebagai syarat utama pemilihan.
- xvi. **[PL121] Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan isu peningkatan warga asing yang menjalankan perniagaan kecil seperti kedai runcit, khidmat pembersihan, dan pemotongan rumput, yang sepatutnya boleh dilakukan oleh warga tempatan. Mereka ini nampaknya menguasai perniagaan ini dan menggaji belia tempatan dengan gaji rendah serta waktu kerja yang panjang. Apakah ada kajian dibuat oleh agensi berkaitan dalam isu ini, dan apakah yang diperolehi dari hasil kajian tersebut.

3. KENYATAAN MENTERI

- i. Akan dikemukakan oleh **Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi**.

4. RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL KETETAPAN KUMPULANWANG KEMAJUAN

PERBAHASAN PERINGKAT DASAR

Perbahasan berkenaan “Rang Undang-Undang (2025) Perbekalan, 2025/2026”

DAN

“Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam”

5. PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS

- i. **[PT29] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan peruntukan belanjawan yang disediakan bagi Kementerian untuk mendokong usaha bagi mempelbagaikan ekonomi negara. Kepelbagaian ekonomi (*economic diversification*) sering disebutkan sebagai usaha yang perlu dilaksanakan agar tidak terus bersandar kepada hasil minyak dan gas semata mata. Sejauh mana pendekatan '*whole of nation*' dan '*whole of government*' komited kepada usaha mempelbagaikan ekonomi.
- ii. **[PT36] Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann** meminta **MENTERI HAL EHWAL LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri untuk memastikan setiap penuntut dan rakyat negara yang berada di luar negeri sentiasa di dalam landasan Melayu Islam Beraja (MIB) bagi mengekalkan imej negara.
- iii. **[PT22] Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan langkah pencegahan bagi isu individu yang melebihi tempoh tinggal di Brunei Darussalam yang melibatkan penguatkuasaan dan pencegahan yang berkesan. Adakah isu melebihi tempoh tinggal berisiko untuk dieksploitasi sindiket pemerdagangan manusia? Memandangkan negara pernah disenarai hitam oleh Amerika Syarikat pada 2024, apakah usaha-usaha agar tidak disenarai hitamkan lagi.
- iv. **[PT31] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan langkah Kementerian dalam mengambil '*affirmative action*' untuk membaiki, meroboh atau membangun baru, bangunan bangunan Kerajaan dan rumah rumah pangsa kerajaan yang kosong, terbiar (*abandoned*) dan dalam tidak selamat untuk di duduki. Bangunan-bangunan ini kebanyakannya duduk ditapak-tapak yang 'prime' dan jika dimajukan akan mempunyai nilai yang tinggi.
- v. **[PT33] Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan perancangan Kementerian untuk mengkaji semula dan mengemas kini Panduan Pekerjaan yang terdapat di laman sesawang bagi memastikan ia

selaras dengan peraturan semasa. Ini memandangkan Perintah Pekerjaan (Upah Minimum) yang telah diperkenalkan pada tahun 2023.

- vi. **[PT42] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan dan pencapaian dalam memenuhi peranan dan fungsi Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampong, bukan sahaja mengukuhkan keberkesanan institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampong sebagai teras kepimpinan akar umbi, malahan yang lebih penting lagi dalam memperkasakan dan menaiktaraf Sosio-Ekonomi kearah kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk Mukim dan Kampong sekaligus bersama-sama mendokong dalam merealisasikan Wawasan Negara 2035.
- vii. **[PT4] Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan kadar sara diri negara dalam pengeluaran makanan tempatan, dan sejauh mana keberkesanan dasar sedia ada dalam memastikan ketahanan makanan negara dapat dikurangkan daripada bergantung import.
- viii. **[PT5] Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan berapakah jumlah projek pelancongan yang telah diumumkan tetapi masih belum direalisasikan, dan apakah faktor utama kelewatan dalam pelaksanaan projek tersebut.
- ix. **[PT12] Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan sejauh manakah cadangan *Centre for Strategic and Policy Studies (CSPS)* dalam '*White Paper On Making Brunei Darussalam The Preferred Holiday Destination For All By 2025*' yang diterbitkan pada tahun September 2015, yang mengenal pasti empat kawasan berpotensi termasuk Jerudong dan Kampong Ayer, telah diambil kira dalam perancangan kemajuan pelancongan.
- x. **[PT27] Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan strategi jangka panjang dan perancangan MPRT dalam fasa 3 (2029-2030) pelan MPRT, bagi membangunkan produk pelancongan Islam yang menarik. Ini memerlukan sokongan yang padu dari semua Kementerian bagi

memastikan pelaksanaan projek berjaya, walau bagaimanapun mengambilkira negara berpotensi besar dalam pelancongan Islam dengan akses kepada 2 bilion penduduk Muslim global.